



PERBADANAN ASET KERETAPI
(KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA)

IKLAN JAWATAN KOSONG

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) yang merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. RAC mempelawa calon-calon warganegara yang berkelayakan dalam bidang berkaitan dan boleh bekerja dengan pengawasan minimum dipelawa untuk memohon pengisian bagi jawatan tersebut di:

BIL	JAWATAN	GED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1	Juruaudit	W41	1	Kontrak

Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Dan Professional
Jadual Gaji	: Gaji Minimum Gaji Maksimum RM2,094.00 RM9,585.00
Elaun	: Imbuhan Tetap Perumahan RM300.00 Imbuhan Tetap Khidmat Awam RM300.00 Bantuan Sara Hidup RM300.00
Kenaikan Gaji Tahunan	: RM225.00

i. **SYARAT LANTIKAN WAJIB:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

ii. **SYARAT LANTIKAN:**

Kelayakan Lantikan ke Gred W41:

Ijazah Sarjana Muda Kepujian

Bidang/Kelayakan Khusus : Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : W41: RM2,300.73

ATAU

Ijazah Sarjana Muda

Bidang/Kelayakan Khusus : Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : W41: RM2,819.63

ATAU

Badan Profesional

Bidang/Kelayakan Khusus : Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Gaji Permulaan : W41: RM2,819.63

ATAU

Ijazah Sarjana Muda dan Badan Profesional

Bidang/Kelayakan Khusus : Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Gaji Permulaan : W41: RM2,923.41

ATAU

Badan Profesional
Bidang/Kelayakan Khusus : Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.
Gaji Permulaan : W41: RM3,027.19

DAN

- iii. **Syarat Bahasa Melayu : Keujian di peringkat SPM/SVM**

DAN

- iv. **Bidang Kelayakan Akademik : Perakaunan**

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab menjalankan pengauditan secara profesional, mengesahkan penyata kewangan, mengeluarkan sijil audit dan laporan berkaitannya, menyediakan laporan audit yang berkualiti, *timely* dan seimbang, menguruskan aktiviti pengauditan dengan cekap dan berkesan serta memberi khidmat nasihat, memenuhi keperluan dan harapan stakeholders

2. CARA MEMOHON

Pemohon yang berminat hendaklah menggunakan borang RAC/BPJ/1/2018 yang boleh didapati di laman sesawang (website) <http://www.rac.gov.my>

Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah ditulis disudut atas sebelah kiri sampul surat nama jawatan yang dimohon.

3. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada

**Pengurus Besar
Perbadanan Aset Keretapi
Bahagian Khidmat Pengurusan,
No.29G, Blok B, Jln TKS 1,
Kajang Sentral Business Park,
43000 Kajang, Selangor**

4. **Tarikh tutup permohonan : 29 Ogos 2019**

5. **Dokumen-dokumen yang dikehendaki:**

- i. Salinan Kad Pengenalan;
 - ii. Salinan Surat Beranak;
 - iii. Salinan Sijil Pendidikan Malaysia dan sijil berhenti sekolah;
 - iv. Salinan sijil-sijil pendidikan dan sijil berkaitan; serta
 - v. Sekeping gambar berukuran passport yang terbaru
- (Sila pastikan dokumen-dokumen berkaitan diakui sah oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Professional atau mana pegawai-pegawai yang sama taraf diberi tauliah yang boleh mengesahkan dokumen-dokumen di atas)**

6. **Permohonan Yang Akan Ditolak**

- i. Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan di para 5;
- ii. Tidak lengkap atau tidak terang;
- iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- iv. Tidak tulis nombor kad pengenalan;
- v. Tidak ditandatangani oleh pemohon; dan
- vi. Permohonan yang lewat dari tarikh tutup permohonan.

7. **Catatan Am**

Hanya permohonan yang layak selepas tapisan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Calon-calon yang berjaya dipanggil temuduga akan dimaklumkan melalui surat panggilan temuduga, emel atau telefon; dan

Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.